

BAB 4

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan berkaitan analisis data dan dapatan berdasarkan item-item soalan borang kaji selidik dan soalan pengujian iaitu ujian penulisan karangan (berbentuk naratif, deskriptif dan eksposisi). Data-data kajian penyelidikan diperolehi berdasarkan jawapan yang diberikan oleh responden kajian dari kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Enam STAM berdasarkan soalan kaji selidik dan 3 jenis karangan dalam ujian penulisan karangan ke atas 50 orang responden yang digunakan dalam kajian ini. Markah ujian mengarang dikumpulkan mengikut dua cara pemeriksaan dan digredkan dengan menggunakan skema gred pemarkahan STAM seperti berikut :

- i. Kumpulan markah berdasarkan struktur ayat dalam penulisan karangan berpandukan Stahl (1974) ;
- ii. Kumpulan markah pencapaian keseluruhan karangan berpandukan skala Abdul Aziz (1989);
- iii. Gred Pemarkahan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) digunakan;

Jadual 4.1 : Gred Pemarkahan STAM.

GRED	MARKAH (%)
MUMTAZ	86 – 100
JAYYID JIDDAN	75 – 85
JAYYID	55 – 74
MAQBUL	40 – 54
RASIB	0 – 39

4.2 Cara Menganalisis Data

Program SPSS 17 digunakan untuk menganalisis semua data yang dikumpulkan berasaskan kepada keperluan persoalan kajian penyelidikan. Dalam menganalisa data tersebut, 3 aspek utama diambil kira iaitu :

- i. Kekerapan (*frekuensi*) dan taburan peratus pencapaian
 - ❖ Item-item soalan dalam borang kaji selidik kecuali soalan berbentuk skala likert.
 - ❖ Penggunaan penanda wacana dalam struktur ayat penulisan karangan melalui ujian karangan naratif, deskriptif dan eksposisi.
- ii. Menilai aspek ketepatan dan kesesuaian yang terdapat dalam penggunaan penanda wacana memberi kematangan positif terhadap teks karangan pelajar.

- iii. Korelasi dan signifikan antara tahap penguasaan penanda wacana bahasa Arab dengan tahap pencapaian markah ujian pelajar. Analisis korelasi Pearson digunakan untuk melihat pertalian antara variabel-variabel ini.

Penganalisan data akan memperlihatkan dapatan-dapatan yang telah dianalisa berdasarkan item-item jawapan soal kaji selidik berbentuk tertutup dan terbuka dan 3 ujian menulis karangan yang berbentuk naratif, deskriptif dan eksposisi yang dijalankan ke atas 78 orang pelajar tetapi hanya 50 orang responden dipilih secara rawak dan digunakan dalam kajian ini. Perincian dapatan dibincangkan mengikut instrumen-instrumen yang dijalankan oleh pengkaji.

4.2.1 Analisis Soalan Kaji Selidik Pelajar

Dapatan statistik deskriptif akan memerihalkan taburan sampel mengikut latar belakang responden di Bahagian A dalam borang soal selidik seperti umur, jantina, asal, keputusan peperiksaan SMA dan keputusan subjek Bahasa Arab Tinggi percubaan (SPM) adalah seperti berikut:

Jadual 4.2 : Latar Belakang Responden (Bahagian A Soalan Kaji Selidik).

BIL	ITEM	FREKUENSI	PERATUS (%)
1	Umur		
	❖ 17 Tahun	6	12.0
	❖ 18 Tahun	44	88.0
2	Jantina		
	❖ Lelaki	18	36.0
	❖ Perempuan	32	64.0

3	Asal (Tempat Tinggal)		
	❖ Bandar	29	58.0
	❖ Luar Bandar	21	42.0
4	Keputusan Peperiksaan SMA		
	❖ Mumtaz	8	16.0
	❖ Jayyid Jiddan	24	48.0
	❖ Jayyid	12	24.0
	❖ Maqbul	6	12.0
	❖ Rasib	0	0.0
5	Keputusan Subjek Bahasa Arab Tinggi Percubaan SPM		
	❖ Gred A	7	14.0
	❖ Gred A-	7	14.0
	❖ Gred B+	7	14.0
	❖ Gred B	10	20.0
	❖ Gred C+	2	4.0
	❖ Gred C	3	6.0
	❖ Gred D+	1	2.0
	❖ Gred D	5	10.0
	❖ Gred E	2	2.0
	❖ Gred G	6	12.0

Berdasarkan jadual di atas, berkaitan item umur, terdapat 6 orang responden yang berusia 17 tahun iaitu 12.0%. Manakala, selebihnya seramai 44 orang responden berusia 18 tahun iaitu 88.0% yang mana kategori usia ini menjadi kelaziman pelajar untuk menduduki peperiksaan STAM setelah tamat menduduki SPM.

Manakala bagi item jantina, seramai 50 pelajar Tingkatan Enam STAM yang telah dinyatakan dalam jadual 4.2, seramai 18 orang pelajar lelaki iaitu 36.0% dan 32 orang pelajar perempuan iaitu 64.0% dipilih dalam kajian ini.

Seterusnya, pengkaji mengambil kira berkaitan item asal atau tempat tinggal responden samada di bandar atau di luar bandar. Berdasarkan hasil dapatan, jumlah

responden yang menetap di bandar seramai 29 orang responden iaitu 58.0% dan bagi yang menetap di luar bandar seramai 21 orang responden iaitu 42.0%.

Menerusi item keputusan peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA), terdapat 5 gred yang termaktub dalam penilaian keputusan peperiksaan ini, iaitu Mumtaz (Cemerlang), Jayyid Jiddan (Sangat Baik), Jayyid (Baik), Maqbul (Lulus) dan Rasib (Gagal). Berdasarkan setiap gred yang terdapat, hasil dapatan menunjukkan keputusan yang berbeza bagi setiapnya adalah gred Mumtaz 8 orang responden iaitu 16.0%, gred Jayyid Jiddan seramai 24 orang iaitu 48.0%, gred Jayyid seramai 12 orang iaitu 24.0%, gred Maqbul seramai 6 orang iaitu 12.0% dan gred Rasib tiada sesiapa iaitu 0.0%.

Seterusnya, pengkaji mengambil kira berkaitan item keputusan peperiksaan percubaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Bagi setiap responden menunjukkan keputusannya tersendiri mengikut gred atau pangkat keputusan SPM yang ditetapkan iaitu Gred A seramai 7 orang iaitu 14.0%, Gred A- seramai 7 orang iaitu 14.0%, Gred B+ seramai 7 orang iaitu 14.0%, Gred B seramai 10 orang iaitu 20.0%, Gred C+ seramai 2 orang iaitu 4.0%, Gred C seramai 3 orang iaitu 6.0%, Gred D+ seramai 1 orang iaitu 2.0%, Gred D seramai 5 orang iaitu 10.0%, Gred E seramai 2 orang iaitu 4.0% dan Gred G seramai 6 orang iaitu 12.0%.

Bahagian B pula membentangkan dapatan berkaitan latar belakang keluarga seperti pekerjaan ibu dan bapa responden kajian, kekerapan bahasa yang dituturkan di rumah dan jika terdapat ahli keluarga yang pernah mempelajari bahasa Arab (Ya atau Tidak), ianya sepertimana yang berikut :

Jadual 4.3 : Latar Belakang Keluarga (Bahagian B Soalan Kaji Selidik)

BIL	ITEM		FREKUENSI	PERATUS (%)			
6	Pekerjaan	❖ Bapa	Peniaga	6	12.0		
			Pesara	6	12.0		
			Guru	4	8.0		
			Jurutera	4	8.0		
			Juruteknik	3	6.0		
			Pekerja kilang	2	4.0		
			Eksekutif	1	2.0		
			Juruanalisa	1	2.0		
			Juruelektrik	1	2.0		
			Kerani	1	2.0		
			Kontraktor	1	2.0		
			Pegawai bomba	1	2.0		
			Pegawai FAMA	1	2.0		
			Juruukur	1	2.0		
			Pegawai keselamatan	1	2.0		
			Pegawai komunikasi	1	2.0		
			Pegawai pemasaran	1	2.0		
			Pegawai perikanan	1	2.0		
			Pegawai tadbir	1	2.0		
			Pemandu teksi	1	2.0		
			Pengawal keselamatan	1	2.0		
			Pengetua	1	2.0		
			Pengurus syarikat	1	2.0		
			Penolong pengurus	1	2.0		
			Penoreh getah	1	2.0		
			Penyelia	1	2.0		
			Staf LTD	1	2.0		
			Tukang kayu	1	2.0		
			Tiada	3	6.0		
				❖ Ibu	Suri rumah	27	54.0
					Guru	8	16.0
					Kerani	2	4.0
		Peniaga	2	4.0			

	Pegawai penaksir	2	4.0
	Pegawai penyelidik	1	2.0
	Pesara	1	2.0
	Swasta	1	2.0
	Ustazah	1	2.0
	Juruakaun	1	2.0
	Tiada	4	8.0
7	Kekerapan bahasa yang dituturkan di rumah.		
	❖ A Bahasa Melayu	50	100.0
	❖ B Bahasa Inggeris	31	62.0
	Bahasa Arab	6	12.0
	Tiada	13	26.0
	❖ C Bahasa Inggeris	5	10.0
	Bahasa Arab	17	34.0
	Bahasa Thailand	1	2.0
	Tiada	27	54.0
	❖ D Tiada	50	100.0
8	Ahli keluarga yang pernah mempelajari bahasa Arab		
	❖ Tiada	6	12.0
	❖ Ada	44	88.0

Berdasarkan item pekerjaan, dalam perkara pekerjaan bapa, kekerapan tertinggi ialah peniaga dan pesara seramai 6 orang iaitu 12.0%, kedua tertinggi ialah guru dan jurutera seramai 4 orang iaitu 8.0%, seterusnya juruteknik seramai 3 orang iaitu 6.0%, dan bagi pekerja kilang seramai 2 orang iaitu 4.0%. Bagi yang selebihnya, hasil dapatan menunjukkan kekerapan seramai 1 orang iaitu 2.0% bagi setiapnya dalam pekerjaan yang pelbagai iaitu eksekutif, juruanalisa, juruelektrik, kerani, kontraktor,

pegawai bomba, pegawai FAMA, juruukur, pegawai keselamatan, pegawai komunikasi, pegawai pemasaran, pegawai perikanan, pegawai tadbir, pemandu teksi, pengawal keselamatan, pengetua, pengurus syarikat, penolong pengurus, penoreh getah, penyelia, staf LTD dan tukang kayu. Namun demikian, seramai 3 orang iaitu 6.0% responden tidak menjawab ruangan soalan ini.

Manakala, pengkaji mengambil kira berkaitan aspek pekerjaan ibu dan didapati profesion seorang suri rumah adalah frekuensi tertinggi seramai 27 orang iaitu 54.0%, kedua tertinggi adalah pekerjaan sebagai guru seramai 8 orang iaitu 16.0%, seterusnya ialah pekerjaan sebagai kerani, peniaga dan pegawai penaksir mencatat kekerapan yang sama adalah 2 orang iaitu 4.0% bagi setiapnya. Selain itu, pegawai penyelidik, pesara, ustazah, juru akaun dan swasta mencatatkan kekerapan yang sama iaitu 1 bagi setiapnya iaitu 2.0%. Selebihnya, sebanyak 4 orang responden iaitu 8.0% tidak menjawab ruangan soalan ini.

Bagi aspek yang berikutnya, item yang berkaitan kekerapan bahasa yang dituturkan di rumah mengikut 4 ruangan yang diberi iaitu ruangan jawapan A mencatatkan bahasa Melayu seramai 50 orang responden iaitu 100.0% menunjukkan majoriti responden menjadikan bahasa tersebut sebagai bahasa pertama. Bagi ruangan jawapan B mencatatkan frekuensi tertinggi iaitu bahasa Inggeris seramai 31 orang responden iaitu 62.0% dan keduanya iaitu bahasa Arab sebanyak 6 orang responden iaitu 12.0%. Bagi dapatan tiada seramai 13 orang responden iaitu 26.0% menunjukkan responden tidak memberi sebarang jawapan dalam ruangan jawapan ini. Ruangan jawapan C mencatatkan frekuensi tertinggi iaitu bahasa Arab seramai 17 orang responden iaitu 34.0%, manakala keduanya adalah bahasa Inggeris seramai 5 orang responden iaitu 10.0%, bahasa Thailand seramai 1 responden sahaja iaitu 2.0% dan

selebihnya seramai 27 orang responden tidak memberi jawapan dengan mencatatkan 54.0%. Akhirnya, ruangan jawapan D responden tidak memberi sebarang jawapan seramai 50 orang iaitu 100.0%.

Item berikutnya berkaitan ahli keluarga yang pernah mempelajari bahasa Arab, hasil dapatan menunjukkan seramai 6 orang responden menjawab (Tiada) iaitu 12.0% dan seramai 44 orang responden menjawab (Ya) iaitu 88.0% yang mana menunjukkan majoriti responden mempunyai ahli-ahli keluarga yang pernah mempelajari atau mempunyai pendedahan dalam bahasa Arab.

Bahagian C membentangkan dapatan berkaitan maklumat di persekolahan atau di persekitaran Luar seperti berikut:

- i. Bahasa pengantar yang digunakan di sekolah rendah dan menengah.
- ii. Kekerapan bahasa yang dituturkan di luar sekolah.

Jadual 4.4 : Maklumat di Persekolahan atau di Persekitaran Luar

(Bahagian C Soalan Kaji Selidik).

BIL	ITEM		FREKUENSI	PERATUS (%)
9	Bahasa pengantar di sekolah			
	❖ Rendah	Bahasa Melayu	50	100.0
	❖ Menengah	Bahasa Melayu	50	100.0
10	Bahasa yang kerap digunakan di luar sekolah			
	❖ A	Bahasa Melayu	49	98.0
		Bahasa Arab	1	2.0
	❖ B	Bahasa Inggeris	32	64.0

	Bahasa Arab	6	12.0
	Tiada	12	24.0
❖ C	Bahasa Inggeris	5	10.0
	Bahasa Arab	14	28.0
	Tiada	31	62.0
❖ D	Tiada	50	100.0

Berdasarkan bahagian ini, pengkaji mengambilkira aspek bahasa pengantar yang digunakan pelajar di sekolah rendah dahulu dan menengah. Hasil dapatan menunjukkan keputusan yang sama dengan mencatatkan kekerapan 50 orang responden iaitu 100.0% bagi peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah iaitu bahasa Melayu. Bagi item yang kedua berkaitan aspek bahasa yang kerap digunakan di luar persekolahan menunjukkan hasil dapatan yang berbeza mengikut 4 ruangan jawapan (A, B, C dan D) tersebut.

Bagi ruangan jawapan A, hasil dapatan menunjukkan bahasa Melayu mencatatkan frekuensi tertinggi adalah 49 orang iaitu 98.0%. Manakala, terdapat seorang responden sahaja iaitu 2.0% yang menggunakan bahasa Arab. Keduanya, ruangan jawapan B mencatatkan bahasa Inggeris mempunyai frekuensi tertinggi seramai 32 orang iaitu 64.0%, diikuti dengan bahasa Arab seramai 6 orang iaitu 12.0% dan 12 orang responden tidak memberi jawapan iaitu 24.0%. Ruangan jawapan C mencatatkan frekuensi tertinggi ialah bahasa Arab sebanyak 14 iaitu 28.0%, diikuti dengan bahasa Inggeris sebanyak 5 iaitu 10.0% dan tiada sebarang jawapan mencatatkan frekuensi 31 iaitu 62.0%. Seterusnya, ruangan jawapan C pula mendapati majoriti responden tiada memberi sebarang jawapan iaitu 50 orang dengan peratusan sebanyak 100.0%.

Bahagian D membentangkan dapatan berkaitan sikap dan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Arab khususnya berkaitan kemahiran menulis karangan dan pengetahuan tentang penanda wacana bahasa Arab seperti berikut:

- i. Faktor-faktor yang mendorong pelajar untuk mempelajari bahasa Arab.
- ii. Peruntukkan masa pelajar dalam mengulangkaji pelajaran bahasa Arab.
- iii. Bahan bacaan buku yang digunakan dalam topik penulisan karangan bahasa Arab.
- iv. Kecenderungan pelajar dalam menggunakan penanda wacana dalam menulis karangan bahasa Arab.

Jadual 4.5 : Sikap dan motivasi pelajar mempelajari bahasa Arab (Kemahiran Menulis Karangan dan Pengetahuan tentang Penanda Wacana Bahasa Arab); (Bahagian D Soalan Kaji Selidik).

BIL	ITEM	FREKUENSI	PERATUS (%)
11	Faktor-faktor dorongan pelajar untuk mempelajari bahasa Arab	32	64.0
	❖ Memenuhi keperluan syarat akademik		
	- Mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan.	6	12.0
	- Berlatarbelakangkan pendidikan aliran bahasa Arab dari awal.	4	8.0
	- Kelayakan pengajian ke Timur Tengah.	4	8.0
	- Meneruskan pengajian dalam bidang bahasa Arab.	3	6.0
	- Melengkapi subjek peperiksaan.	2	4.0

	- Dorongan keluarga	1	2.0
	- Keperluan global terhadap ilmu bahasa Arab.	1	2.0
	- Menuntut ilmu semata-mata.	1	2.0
	- Kepentingan di dalam peperiksaan subjek Al-Quran.	1	2.0
	- Keperluan syarat untuk profesion peguam syariah.	1	2.0
	- Memahami ayat dan teks bahasa Arab.	1	2.0
	- Pelajar jurusan bahasa Arab.	1	2.0
	- STAM adalah aliran bahasa Arab.	1	2.0
	- Bahasa Arab adalah sukatan akademik sekolah.	1	2.0
	- Syarat untuk masuk ke sekolah agama.	1	2.0
	- Salah satu subjek wajib SPM.	1	2.0
	- Untuk masa depan.	1	2.0
	- Banyak subjek menggunakan bahasa Arab.	1	2.0
	- *Tidak berkenaan	18	36.0
	❖ Keperluan peribadi	26	52.0
	- Untuk memahami Al-Quran lebih mendalam.	8	16.0
	- Bahasa Arab adalah bahasa Al-Quran.	4	8.0
	- Untuk menambahkan ilmu pengetahuan.	3	6.0
	- Melanjutkan pengajian ke Mesir.	2	4.0

	- Mengetahui kepentingan bahasa Arab.	2	4.0
	- Minat pada orang arab.	2	4.0
	- Bahasa Arab sangat mendalam yang perlu dipelajari.	1	2.0
	- Mengajar kawan-kawan tentang ilmu bahasa Arab.	1	2.0
	- Mengisi masa lapang.	1	2.0
	- Berkongsi ilmu dengan ahli keluarga.	1	2.0
	- Untuk mendapat pahala.	1	2.0
	- *Tidak berkenaan	24	48.0
❖ Minat yang mendalam		31	62.0
	- Bahasa arab adalah bahasa Al-Quran.	13	26.0
	- Bahasa Arab adalah bahasa unik dan indah.	4	8.0
	- Menyambung pengajian ke luar negara.	3	6.0
	- Berminat untuk menduduki STAM.	1	2.0
	- Minat berbahasa Arab dan sehati dalam diri.	1	2.0
	- Menyambung pengajian dalam bidang bahasa Arab.	1	2.0
	- Minat dalam kemahiran karangan.	1	2.0
	- Minat dari kecil.	1	2.0

	- Minat mendalam tetapi kurang berminat dalam nahu sorof.	1	2.0
	- Minat pelajaran agama.	1	2.0
	- Peluang kerja yang cerah.	1	2.0
	- Rasa bertanggungjawab.	1	2.0
	- Untuk menimba ilmu semata-mata.	1	2.0
	- Tiada	1	2.0
	- *Tidak berkenaan.	19	38.0
12	Peruntukkan masa pelajar dalam mengulangkaji pelajaran bahasa Arab.	17	34.0
	❖ Kurang daripada 1 jam.		
	- Kurang minat.	5	10.0
	- Cepat mengantok dan letih.	3	6.0
	- Banyak masa diluankan pada waktu sekolah.	1	2.0
	- Kurang kefahaman apa yang dipelajari.	1	2.0
	- Kesukaran dalam memahami makna.	1	2.0
	- Kurang penguasaan bahasa Arab.	1	2.0
	- Kurang semangat kerana tiada dorongan kawan.	1	2.0
	- Pengaruh rakan yang hanya separuh jalan.	1	2.0
	- Tidak tahu apa yang hendak dibaca.	1	2.0
	- Tiada.	2	4.0
	- *Tidak berkenaan.	33	66.0

❖ 1 jam hingga 2 jam.		17	34.0
- Waktu sesuai dan tidak terlalu lama.	6	12.0	
- Ingin fokus pada subjek lain.	2	4.0	
- Mengulangkaji untuk persediaan STAM.	2	4.0	
- Minat yang mendalam dalam bahasa Arab.	2	4.0	
- Menghayati dan menguasai dengan cermat.	1	2.0	
- Pelajar kurang pintar perlukan lebih masa belajar sendiri.	1	2.0	
- Tengok keadaan berdasarkan kerja rumah.	1	2.0	
- Tiada	2	4.0	
- *Tidak berkenaan.	33	66.0	
❖ 2 jam hingga 3 jam.		11	22.0
- Persediaan dalam menduduki STAM.	2	4.0	
- Belajar di sekolah.	1	2.0	
- Mencari makna-makna perkataan tidak diketahui.	1	2.0	
- Menghafal.	1	2.0	
- Waktu pembelajaran di sekolah.	1	2.0	
- Sekolah menggunakan bahasa Arab.	1	2.0	
- Siapkan kerja sekolah.	1	2.0	
- Tiada.	2	4.0	
- *Tidak berkenaan.	39	78.0	

	❖ Lebih daripada 3 jam.	5	10.0
	- Keseluruhan pelajaran STAM dalam bahasa Arab.	2	4.0
	- Mempraktikkan pelajaran yang dipelajari di sekolah dan ulangkaji.	1	2.0
	- Minat dalam bahasa Arab.	1	2.0
	- Pembelajaran di sekolah dan ulangkaji semula.	1	2.0
	- *Tidak berkenaan.	45	90.0
13	Bahan bacaan buku yang digunakan dalam topik penulisan karangan bahasa Arab.		
	❖ Tidak pernah	15	30.0
	❖ Pernah (nyatakan)	35	70.0
	- Al-Insyā' al-Wa:fi	8	16.0
	- Al-Muthola'ah al-Azhar STAM.	8	16.0
	- Buku cerita kanak-kanak.	1	2.0
	- Buku cerita nabi-nabi.	1	2.0
	- Buku subjek STAM.	2	4.0
	- Bukun rujukan menengah rendah (warna hijau).	1	2.0
	- Buku teks sekolah.	2	4.0
	- Buku teks bahasa Arab Tinggi.	1	2.0
	- Majalah ma:hir (contoh karangan).	1	2.0
	- Buku Nota Ajaib.	1	2.0
	- Buku Semasa.	1	2.0
	- Buku Teknik Membuat Karangan SMA,	1	2.0

	SPM, STAM).		
	- Buku cerita bahasa Arab di P.S.S.	1	2.0
	- Tiada	7	14.0
14	Kecenderungan pelajar dalam menggunakan penanda wacana dalam menulis karangan bahasa Arab. ❖ Ya		
	- Ayat karangan lebih cantik, menarik dan bombastik.	11	22.0
	- Memanjangkan ayat.	4	8.0
	- Mendapatkan markah tambahan.	2	4.0
	- Menambah kesenian bahasa.	1	2.0
	- Menggunakan penanda wacana yang ringkas dan mudah difahami.	1	2.0
	- Pelengkap ayat dan penghubung antara satu isi dengan isi lain.	1	2.0
	- Memantapkan ayat karangan.	1	2.0
	- Menggantikan ayat.	1	2.0
	- Menjadikan ayat lebih menarik dengan gaya bahasa yang baik.	1	2.0
	- Manfaatkan apa yang ditimba dari guru.	1	2.0
		26	52.0
	- *Tidak berkenaan.		

❖ Tidak	- Kurang arif, kefahaman, pengetahuan, penguasaan dalam menggunakannya.	10	20.0
	- Kurang dan jarang menggunakannya.	4	8.0
	- Terlalu meluas dan hanya tahu yang mudah sahaja.	2	4.0
	- Tidak hafal.	2	4.0
	- Tiada pendekatan dalam mempelajarinya.	2	4.0
	- Tidak dipraktikkan	1	2.0
	- Hanya menggunakan kata hubung.	1	2.0
	- Tidak menemui penanda wacana yang tepat dalam membina ayat.	1	2.0
	- Kurang perbendaharaan kata.	1	2.0
	- Kurang faham makna perkataan bahasa Arab.	1	2.0
		25	50.0
	- *Tidak berkenaan.		

Interpretasi item motivasi pelajar dalam bahagian D ini merujuk kepada faktor-faktor yang mendorong mereka untuk mempelajari bahasa Arab, peruntukkan masa mengulangkaji pelajaran bahasa Arab, bahan bacaan buku karangan bahasa Arab yang digunakan dan juga item kecenderungan pelajar menggunakan penanda wacana dalam menulis karangan bahasa Arab.

Berdasarkan jadual di atas, item pertama iaitu faktor-faktor yang mendorong pelajar untuk mempelajari bahasa Arab menunjukkan hasil dapatan yang berbeza bagi setiap faktor berdasarkan sebab-sebab yang dinyatakan sendiri oleh responden kajian. Hal ini bertujuan untuk mengenalpasti gambaran sebenar terhadap tanggapan dan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Arab terutamanya dalam mendalami kemahiran menulis karangan serta sejauhmana kecenderungan mereka dalam menggunakan penanda wacana bahasa Arab yang mana dipraktikkan dalam penulisan karangan mereka. Hasil dapatan ini akan dibincangkan secara lanjut dalam bahagian perbincangan kajian bagi menginterpretasikan hakikat sebenar dengan tujuan kajian ini.

Aspek pertama yang berkaitan faktor-faktor yang mendorong pelajar untuk mempelajari bahasa Arab adalah faktor memenuhi keperluan syarat akademik. Hasil dapatan menunjukkan sebab bagi mendapatkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan adalah frekuensi tertinggi seramai 6 orang iaitu 12.0%, diikuti pula sebab berlatarbelakangkan pendidikan aliran bahasa Arab seramai 4 orang iaitu 8.0%, sebab bagi kelayakan pengajian ke Timur Tengah seramai 4 iaitu 8.0%, sebab bagi meneruskan pengajian dalam bidang bahasa Arab seramai 3 iaitu 6.0%, sebab bagi melengkap subjek peperiksaan seramai 2 iaitu 4.0%, dan sebab berikutnya mencatatkan frekuensi dan peratusan yang sama iaitu seramai 1 orang iaitu 2.0% berdasarkan sebab bagi keperluan global terhadap ilmu bahasa Arab, sebab bagi menuntut ilmu semata-mata, sebab bagi kepentingan dalam subjek Al-Quran, sebab bagi keperluan profesion peguam syariah, sebab bagi pemahaman ayat dan teks bahasa Arab, sebab bagi status pelajar jurusan bahasa Arab, sebab bagi menduduki STAM, sebab bagi subjek bahasa Arab sukatan teras akademik sekolah, sebab bagi syarat kelayakan memasuki sekolah agama, sebab bagi salah satu subjek teras SPM, sebab bagi jaminan masa depan dan

sebab bagi kebanyakan subjek adalah bahasa Arab. Bagi dapatan “tidak berkenaan” bermaksud responden tidak memilih atau tidak menjawab ruangan faktor ini dengan mencatatkan frekuensi seramai 18 orang iaitu 36.0%.

Aspek kedua berdasarkan faktor keperluan peribadi mendapati frekuensi tertinggi adalah sebab memahami kandungan Al-Quran lebih mendalam seramai 8 iaitu 16.0%, diikuti pula dengan dapatan bagi sebab kesedaran bahawa bahasa Arab adalah bahasa Al-Quran seramai 4 orang iaitu 8.0%, sebab bagi menambahkan ilmu pengetahuan seramai 3 orang iaitu 6.0%, sebab bagi melanjutkan pengajian ke Mesir seramai 2 iaitu 4.0%, sebab bagi mengetahui kepentingan bahasa Arab seramai 2 orang iaitu 4.0%, dan sebab berikutnya mencatatkan frekuensi dan peratusan yang sama iaitu seramai 1 orang iaitu 2.0% berdasarkan sebab bagi perasaan minat pada komuniti Arab, sebab bagi bahasa Arab adalah bahasa mendalam yang perlu dipelajari, sebab untuk mengajar kawan-kawan berkaitan ilmu bahasa Arab, sebab bagi mengisi masa lapang, sebab bagi berkongsi ilmu dengan ahli keluarga dan sebab untuk mendapatkan pahala. Bagi dapatan “tidak berkenaan” bermaksud responden tidak memilih atau tidak menjawab ruangan faktor ini dengan mencatatkan frekuensi seramai 24 orang iaitu 48.0%.

Aspek ketiga berdasarkan faktor minat yang mendalam mendapati frekuensi tertinggi adalah sebab kesedaran bahawa bahasa Arab adalah bahasa Al-Quran seramai 13 iaitu 26.0%, diikuti pula dengan dapatan bagi sebab bahasa Arab adalah bahasa yang unik dan indah seramai 4 iaitu 8.0%, dan sebab berikutnya mencatatkan frekuensi dan peratusan yang sama iaitu seramai 1 orang iaitu 2.0% berdasarkan sebab bagi menyambung pengajian ke luar Negara seramai 3 orang iaitu 6.0%, sebab bagi perasaan minat untuk menduduki peperiksaan STAM seramai, sebab bagi perasaan minat untuk bertutur dalam bahasa Arab dan ianya sebatinya dalam diri, sebab bagi menyambung

pengajian dalam bidang bahasa Arab, sebab bagi minat dalam kemahiran mengarang, sebab bagi perasaan minat sejak dari kecil, sebab bagi perasaan minat yang mendalam tetapi kurang dalam ilmu Nahu dan Sorof, sebab bagi minat pelajaran agama, sebab bagi keterbukaan peluang pekerjaan yang cerah, sebab bagi rasa kebertanggungjawaban dan sebab bagi menimba ilmu semata-mata. Bagi dapatan “tidak berkenaan” bermaksud responden tidak memilih atau tidak menjawab ruangan faktor ini dengan mencatatkan frekuensi seramai 19 orang iaitu 38.0%.

Item kedua berdasarkan jadual iaitu peruntukkan masa pelajar dalam mengulangkaji pelajaran bahasa Arab menunjukkan hasil dapatan yang berbeza bagi setiap kategori peruntukkan masa yang ditetapkan iaitu kurang daripada 1 jam, 1 jam hingga 2 jam, 2 jam hingga 3 jam dan lebih daripada 3 jam. Bagi setiap interpretasi masa yang diperuntukkan mempunyai sebab-sebab tertentu yang dinyatakan sendiri oleh responden kajian. Hal ini bertujuan untuk mengenalpasti keadaan sebenar pelajar berkaitan kesesuaian masa yang digunakan dalam mengulangkaji pelajaran subjek bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar mengikut alasan dan sebab mereka tersendiri.

Peruntukkan masa pertama iaitu kurang daripada 1 jam mencatatkan dapatan yang berbeza mengikut 9 sebab tertentu. Hasil dapatan menunjukkan sebab bagi kurang minat adalah frekuensi tertinggi seramai 5 orang iaitu 10.0%, diikuti pula sebab cepat mengantuk dan letih seramai 3 orang iaitu 6.0%, manakala sebab bagi peruntukkan masa yang banyak pada waktu persekolahan, sebab bagi kurang kefahaman apa yang dipelajari, sebab bagi kesukaran dalam memahami makna, sebab bagi kurangnya penguasaan dalam bahasa Arab, sebab bagi kurang semangat kerana tiada dorongan kawan, sebab bagi pengaruh rakan yang hanya separuh jalan dan sebab bagi tidak tahu apa yang hendak dibaca oleh pelajar masing-masing mencatatkan frekuensi seramai 1

orang iaitu 2.0%. Terdapat pula 2 orang iaitu 4.0% yang memilih ruangan peruntukkan masa ini tanpa memberi sebarang sebab dan alasan. Seterusnya, bagi dapatan “tidak berkenaan” bermaksud responden tidak memilih atau tidak menjawab ruangan ini dengan mencatatkan frekuensi seramai 33 iaitu 66.0%.

Peruntukkan masa kedua iaitu 1 jam hingga 2 jam mencatatkan dapatan yang berbeza mengikut 7 sebab tertentu. Hasil dapatan menunjukkan sebab bagi waktu yang sesuai dan tidak terlalu lama adalah frekuensi tertinggi seramai 5 orang iaitu 10.0%, diikuti pula sebab bagi keinginan focus kepada subjek-subjek lain, sebab bagi mengulangkaji untuk persediaan STAM dan sebab bagi minat yang mendalam dalam bahasa Arab masing-masing mencatatkan frekuensi seramai 2 orang iaitu 4.0%, manakala sebab bagi menghayati dan menguasai dengan cermat, sebab bagi masa yang sesuai belajar sendiri bagi pelajar kurang pintar dan sebab bagi mengikut keadaan jika terdapat kerja rumah masing-masing mencatatkan frekuensi seramai 1 orang iaitu 2.0%. Terdapat pula 2 orang iaitu 4.0% yang memilih ruangan peruntukkan masa ini tanpa memberi sebarang sebab dan alasan. Seterusnya, bagi dapatan “tidak berkenaan” bermaksud responden tidak memilih atau tidak menjawab ruangan ini dengan mencatatkan frekuensi seramai 34 iaitu 68.0%.

Peruntukkan masa ketiga iaitu 2 jam hingga 3 jam mencatatkan dapatan yang berbeza mengikut 7 sebab tertentu. Hasil dapatan menunjukkan sebab bagi persediaan dalam menduduki STAM dan sebab bagi luangkan masa belajar di sekolah adalah frekuensi tertinggi seramai 3 orang iaitu 6.0%, diikuti pula sebab bagi mencari makna perkataan yang tidak diketahui, sebab bagi menghafal, sebab bagi penggunaan bahasa Arab di sekolah dan sebab bagi menyiapkan kerja sekolah masing-masing mencatatkan frekuensi yang sama seramai 1 orang iaitu 2.0%. Terdapat pula 2 orang iaitu 4.0% yang

memilih ruangan peruntukkan masa ini tanpa memberi sebarang sebab dan alasan. Seterusnya, bagi dapatan “tidak berkenaan” bermaksud responden tidak memilih atau tidak menjawab ruangan ini dengan mencatatkan frekuensi seramai 39 orang iaitu 78.0%.

Peruntukkan masa ketiga iaitu lebih daripada 3 jam mencatatkan dapatan yang berbeza mengikut 4 sebab tertentu. Hasil dapatan menunjukkan sebab bagi kenyataan keseluruhan pelajaran STAM dalam bahasa Arab mencatatkan frekuensi tertinggi seramai 2 orang iaitu 4.0%. Diikuti pula dengan sebab bagi mempraktikkan pelajaran yang dipelajari di sekolah, sebab bagi minat dalam bahasa Arab dan sebab bagi pembelajaran di sekolah dan ulangkaji semula masing-masing mencatatkan frekuensi yang sama seramai 1 orang iaitu 2.0%. Seterusnya, bagi dapatan “tidak berkenaan” bermaksud responden tidak memilih atau tidak menjawab ruangan ini dengan mencatatkan frekuensi seramai 45 orang iaitu 90.0%.

Item ketiga berdasarkan jadual iaitu bahan bacaan buku yang digunakan dalam topik penulisan karangan bahasa Arab mempunyai dua bahagian ruangan jawapan iaitu “Tidak Pernah” dan “Pernah” yang mana disertakan bersama senarai bahan atau material yang pernah digunakan pelajar di ruangan yang telah disediakan. Hasil dapatan menunjukkan ruangan jawapan “Tidak Pernah” mencatatkan seramai 15 orang iaitu 30.0%, manakala ruangan jawapan “Pernah” mencatatkan seramai 36 orang iaitu 72.0%.

Berdasarkan ruangan jawapan “Pernah” beberapa senarai buku dan sumber material bacaan yang disenaraikan sendiri oleh pelajar telah dikenalpasti. Hasil dapatan menunjukkan bagi buku Al-Insyah Al-Wa:fi dan buku Al-Muthola’ah Al-Azhar STAM mencatatkan frekuensi tertinggi seramai 8 orang iaitu 16.0% bagi setiapnya. Diikuti

pula bagi buku subjek STAM dan buku teks sekolah mencatatkan frekuensi seramai 2 orang iaitu 4.0% bagi setiapnya. Seterusnya, buku cerita kanak-kanak, buku cerita nabi-nabi, buku rujukan menengah rendah (berwarna hijau), buku teks bahasa Arab Tinggi, majalah Ma:hir (contoh-contoh karangan), buku “Nota Ajaib”, buku “Semasa”, buku “Teknik Membuat Karangan (SMA, SPM, STAM) dan buku cerita bahasa Arab masing-masing mencatatkan frekuensi seramai 1 orang iaitu 2.0% bagi setiapnya.

Item keempat berdasarkan jadual iaitu kecenderungan pelajar dalam menggunakan penanda wacana dalam menulis karangan bahasa Arab Arab mempunyai dua bahagian ruangan jawapan iaitu “Ya” dan “Tidak” yang mana disertakan bersama sebab-sebab yang diinterpretasikan sendiri oleh pelajar di ruangan yang telah disediakan. Hasil dapatan menunjukkan ruangan jawapan “Ya” mencatatkan frekuensi sebanyak 24 iaitu 48.0% dan ruangan jawapan “Tidak” mencatatkan sebanyak 26 iaitu 52.0%.

Berdasarkan ruangan jawapan “Ya”, hasil dapatan menunjukkan sebab bagi kenyataan “Ayat karangan lebih cantik, menarik dan bombastik” merupakan frekuensi tertinggi seramai 11 orang iaitu 22.0%, diikuti pula dengan sebab bagi kenyataan “Memanjangkan ayat” seramai 4 orang iaitu 8.0%, manakala sebab bagi kenyataan “Mendapatkan markah tambahan” seramai 2 orang iaitu 4.0%, seterusnya sebab bagi kenyataan “Menambah kesenian bahasa”, sebab bagi “Menggunakan penanda wacana yang ringkas dan mudah difahami”, sebab bagi “Pelengkap ayat dan penghubung antara satu isi dengan isi lain”, sebab bagi “Memantapkan ayat karangan”, sebab bagi “Menggantikan ayat”, sebab bagi “Menjadikan ayat lebih menarik dengan gaya bahasa yang baik”, dan sebab bagi “Memanfaatkan apa yang ditimba dari guru” masing-masing mencatatkan frekuensi yang sama seramai 1 orang iaitu 2.0% bagi setiapnya. Bagi

dapatan “Tidak berkenaan” ianya bermaksud responden memilih jawapan sebaliknya iaitu “Tidak” seramai 26 iaitu 52.0%.

Berikutan dengan itu, berdasarkan ruangan jawapan “Tidak”, hasil dapatan menunjukkan sebab bagi kenyataan “Kurang arif, faham, pengetahuan dan penguasaan dalam menggunakannya” merupakan frekuensi tertinggi dengan mencatatkan seramai 10 orang iaitu 20.0%, diikuti pula dengan sebab bagi kenyataan “Kurang dan jarang menggunakannya” mencatatkan frekuensi sebanyak 4 iaitu 8.0%, manakala sebab bagi kenyataan “Terlalu meluas dan hanya tahu yang mudah sahaja”, “Tidak hafal” dan “Tiada pendekatan dalam mempelajarinya” masing-masing mencatatkan frekuensi yang sama seramai 2 orang iaitu 4.0% bagi setiapnya. Seterusnya, sebab bagi kenyataan “Tidak praktik”, “Hanya tahu menggunakan kata hubung”, “Tidak menemui penanda wacana yang tepat dalam membina ayat”, “Kurang perbendaharaan kata” dan “Kurang faham makna perkataan bahasa Arab” masing-masing mencatatkan frekuensi yang sama seramai 1 orang iaitu 2.0% bagi setiapnya. Bagi dapatan “Tidak berkenaan” ianya bermaksud responden memilih jawapan sebaliknya iaitu “Ya” seramai 25 iaitu 50.0%.

Bahagian E membincangkan dapatan berkaitan tahap penguasaan penanda wacana bahasa Arab pelajar dalam mempelajari bahasa Arab khususnya aspek bahasa, penguasaan struktur ayat serta pengetahuan dan kemahiran struktur ayat seperti berikut:

- i Tahap penguasaan bahasa-bahasa seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Arab dan lain-lain.
- ii Tahap penguasaan struktur ayat dalam aspek pembentukan ayat, pembentukan frasa dan pemilihan perkataan yang tepat.

- iii Tahap kemahiran dan pengetahuan struktur ayat dalam aspek kata hubung bahasa Arab, penanda wacana bahasa Arab dan fungsi kohesi dan koheren teks bahasa Arab.

Jadual 4.6 : Tahap Penguasaan Penanda Wacana Bahasa Arab (Bahagian E Soalan Likert Kaji Selidik).

BIL	ITEM		FREKUENSI	PERATUS %
15	Tahap penguasaan bahasa.			
	❖ Bahasa Melayu	- Sederhana	2	4.0
		- Baik	18	36.0
		- Sangat baik	30	60.0
	❖ Bahasa Arab	- Lemah	10	20.0
		- Sederhana	36	72.0
		- Baik	4	8.0
	❖ Bahasa Inggeris	- Lemah	6	12.0
		- Sederhana	29	58.0
		- Baik	15	30.0
16	*Tahap penguasaan struktur ayat.			
	❖ Pembentukan ayat	- Sangat Susah	1	2.0
		- Susah	12	24.0
		- Sederhana	33	66.0
		- Senang	4	8.0
	❖ Pembentukan frasa	- Sangat susah	3	6.0
		- Susah	29	58.0
		- Sederhana	17	34.0
		- Senang	1	2.0
	❖ Pemilihan perkataan yang sesuai.	- Sangat susah	6	12.0
- Susah		24	48.0	
- Sederhana		20	40.0	

17	*Tahap kemahiran dan pengetahuan struktur ayat.				
	❖ Kemahiran menggunakan kata hubung bahasa Arab.	- Sangat susah	2	4.0	
		- Sederhana	23	46.0	
		- Susah	18	36.0	
		- Senang	7	14.0	
	❖ Kemahiran menggunakan penanda wacana bahasa Arab.	- Sangat susah	4	8.0	
		- Sederhana	32	64.0	
		- Susah	13	26.0	
		- Senang	1	2.0	
	❖ Pengetahuan tentang fungsi kohesi teks & koheren.	- Sangat susah	14	28.0	
		- Sederhana	24	48.0	
		- Susah	12	24.0	
- Senang		Tiada	Tiada		

***2 item skala likert yang digunakan dalam analisis Korelasi Pearson's.**

Interpretasi skala untuk item tahap penguasaan penanda wacana bahasa Arab dalam bahagian E ini merujuk kepada aspek tahap penguasaan bahasa-bahasa tertentu seperti bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris dengan menggunakan dua jenis skala jawapan seperti sangat baik, baik, sederhana dan lemah dan juga sangat susah, susah, sederhana dan senang. Bahagian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti samada terdapat korelasi dan signifikan antara tahap penguasaan penanda wacana bahasa Arab dengan tahap pencapaian ujian.

Hasil dapatan menunjukkan bagi kategori bahasa Melayu mencatatkan skala sangat baik seramai 30 orang iaitu 60.0%, baik seramai 18 orang iaitu 36.0% dan baik seramai 8 orang iaitu 16.0%. manakala bahasa Arab menunjukkan dapatan bahasa Arab mencatatkan frekuensi tertinggi adalah sederhana seramai 36 orang iaitu 72.0%, lemah seramai 10 orang iaitu 20.0% dan skala baik seramai 4 orang iaitu 8.0%. Bagi kategori

ketiga adalah bahasa Inggeris mencatatkan skala sederhana merupakan frekuensi tertinggi seramai 29 orang iaitu 58%, seterusnya skala baik mencatatkan sebanyak 15 orang iaitu 30.0%, dan skala lemah mencatatkan frekuensi seramai 6 orang iaitu 12.0%.

Berdasarkan aspek tahap penguasaan struktur ayat pelajar, hasil dapatan menunjukkan keputusan berbeza mengikut tiga perkara khusus yang dibincangkan iaitu dalam item pertama pada perkara pembentukan ayat mendapati skala sederhana mencatatkan frekuensi tertinggi seramai 33 orang iaitu 66.0%, diikuti dengan skala susah seramai 12 orang iaitu 24.0%, skala senang iaitu 4.0% dan skala sangat susah seramai 1 orang iaitu 2.0%. Manakala, item kedua pada perkara pembentukan frasa mendapati skala susah mencatatkan frekuensi tertinggi seramai 29 orang iaitu 58.0%, skala sederhana mencatatkan seramai 17 iaitu 34.0%, skala sangat susah seramai 3 iaitu 6.0% dan skala senang hanya seramai 1 iaitu 2.0%. Seterusnya, item ketiga pada perkara pemilihan perkataan yang sesuai mencatatkan frekuensi tertinggi bagi skala susah seramai 24 orang iaitu 48.0%, skala sederhana seramai 20 orang iaitu 40.0%, skala sangat susah seramai 6 orang iaitu 12.0% dan akhirnya skala senang mendapati tiada seorang responden sekalipun.

Diikuti pula dengan aspek tahap kemahiran dan pengetahuan pelajar dalam menguasai struktur ayat adalah berdasarkan tiga perkara khusus yang berkaitan seperti kemahiran menggunakan kata hubung bahasa Arab, kemahiran menggunakan penanda wacana bahasa Arab dan pengetahuan tentang fungsi teks. Berdasarkan perkara pertama iaitu kemahiran menggunakan kata hubung bahasa Arab, mendapati frekuensi tertinggi mencatatkan skala sederhana susah seramai 23 orang iaitu 46.0%, diikuti skala susah seramai 18 orang iaitu 36.0%, skala senang seramai 7 orang iaitu 14.0% dan skala sangat susah seramai 2 orang iaitu 4.0%. Perkara kedua dalam aspek kemahiran

menggunakan penanda wacana bahasa Arab mendapati frekuensi tertinggi adalah bagi skala sederhana susah seramai 32 orang iaitu 64.0%, diikuti dengan skala susah seramai 13 orang iaitu 26.0%, skala sangat susah seramai 4 orang iaitu 8.0% dan skala senang seramai 1 orang iaitu 2.0%. Seterusnya, perkara ketiga iaitu pengetahuan tentang fungsi kohesi teks mencatatkan frekuensi tertinggi bagi skala sederhana susah seramai 24 orang iaitu 48.0%, diikuti dengan skala sangat susah seramai 14 orang iaitu 28.0%, skala susah seramai 12 orang iaitu 24.0% dan skala senang tiada seorang responden dicatatkan.

4.3 Analisis Data

Data telah dianalisa untuk menjawab soalan-soalan penyelidikan seperti berikut :

4.3.1 Analisis Kekekapan

Apakah jenis-jenis penanda wacana yang kerap digunakan pelajar-pelajar dalam penulisan karangan?

Subtopik ini akan membincangkan analisis kekekapan penggunaan penanda wacana yang terdapat dalam 3 ujian karangan di kalangan pelajar sasaran atau responden kajian. Analisis kekekapan hanya dilakukan terhadap kata atau frasa penghubung yang mempunyai perkaitan konsep sebenar penanda wacana yang disarankan oleh Halliday dan Hasan (1976) dan juga merujuk senarai beberapa penanda wacana bahasa Arab yang diterjemahkan ke bahasa Melayu secara konklusinya oleh pengkaji Muhammad Fauzi Jumingan (1999) dalam kajian disertasi PhDnya.

Bagi menghuraikan perbincangan dan penerangan kesemua penanda wacana yang berkaitan akan disenaraikan dalam bentuk jadual induk dan juga jadual-jadual

mengikuti setiap kategorinya. Hasil dapatan juga akan mencatatkan jumlah kekerapan penggunaannya dan peratusan.

Dalam jadual di bawah, diinterpretasikan kekerapan penggunaan penanda wacana bahasa Arab yang digunakan oleh pelajar-pelajar sasaran secara keseluruhannya. Berikut merupakan jadual induk kekerapan penggunaan penanda wacana yang dianalisis oleh pengkaji sepertimana yang berikut:

Jadual 4.7 : Induk kekerapan penggunaan penanda wacana bahasa Arab

Bil	Penanda wacana	Makna BM	Kekerapan	Peratusan
1	وَعَيْرُ ذَلِكَ	Selain itu	42	8.6%
2	وَبَعْدَ ذَلِكَ	Selepas itu	37	7.6%
3	وَأَخِيرًا	Akhirnya	32	6.5%
4	مِنْ جَانِبِ	Dari sudut	30	6.1%
5	أَنَّ	Bahawasanya	27	5.5%
6	وَخُلَاصَةُ الْقَوْلِ	Kesimpulan kata	26	5.3%
7	وَلِذَلِكَ	Oleh sebab itu	22	4.5%
8	إِنَّ	Sesungguhnya	21	4.3%
9	قَدْ	Sesungguhnya	19	3.9%
10	الآنَ	Sekarang/kini	16	3.3%
11	خُلَاصَةٌ	Rumusan	15	3.1%
12	لَا بُدَّ	Mesti	14	2.9%
13	أَمَّا	Adapun	14	2.9%
14	وَبِذَلِكَ	Dengan itu	14	2.9%
15	يَجِبُ عَلَى	Sewajarnya	12	2.4%
16	لِأَنَّ	Kerana	12	2.4%
17	وَبِالإِضَافَةِ إِلَى ذَلِكَ	Di samping itu	12	2.4%
18	يَتَّبَعِي ل	Semestinya	11	2.2%
19	لَا شَكَّ أَنَّ	Tidak ragu-ragu	9	1.8%

		bahawa		
20	وَمَعَ ذَلِكَ	Walau bagaimanapun	8	1.6%
21	فَبِذَلِكَ	Oleh itu	6	1.2%
22	وَعَلَى سَبِيلِ الْمِثَالِ	Misalnya	5	1.0%
23	وَبِالنَّسْبَةِ إِلَى	Berkaitan dengan	5	1.0%
24	لَا سِيَّمَا	Terutama	5	1.0%
25	وَكَذَلِكَ	Begitu juga	4	0.8%
26	وَأَنْطِلَاقًا مِنْ هَذَا	Bertitik tolak dari ini	4	0.8%
27	وَبِجَانِبِ ذَلِكَ	Di samping itu	4	0.8%
28	مِنْ أَجْلِ	Demi	4	0.8%
29	أَوَّلًا	Pertamanya	4	0.8%
30	فَإِنَّ	Maka sesungguhnya	4	0.8%
31	وَيُضَافُ إِلَى هَذَا	Di samping ini	4	0.8%
32	وَبِالتَّالِي	Seterusnya	3	0.6%
33	وَقِصَارَى الْقَوْلِ	Kesimpulan kata	3	0.6%
34	قَدْ كَانَ	Telah pun	3	0.6%
35	مِنْ جَانِبِ ذَلِكَ	Dari sudut yang lain	3	0.6%
36	إِلَى جَانِبِ آخَرَ	Pada sudut lain	2	0.4%
37	مِنْ نَوَاحِي	Dari aspek-aspek	2	0.4%
38	وَلَقَدْ	Bahawasanya	2	0.4%
39	وَصَفْوَةُ الْقَوْلِ	Kesimpulan kata	2	0.4%
40	لِنَلَا	Supaya/agar	2	0.4%
41	وَرَمَّةُ الْقَوْلِ	Erti kata yang lain	2	0.4%
42	وَبَعْدُ	Seterusnya	2	0.4%
43	بِأَنَّ	Bahawasanya	2	0.4%
44	عَلَى هَذَا النُّحُو	Berhubungan dengan ini	1	0.2%
45	إِذَا كَانَ الْأَمْرُ كَذَلِكَ	Jika demikian	1	0.2%
46	إِضْرَابِي	Sebaliknya	1	0.2%
47	فِي السَّنَةِ الْمَاضِيَةِ	Pada tahun yang lalu	1	0.2%
48	وَبِالنَّسْبَةِ إِلَى	Berkaitan dengan	1	0.2%

49	كَمَا عَرَفْنَا	Sepertimana yang kita ketahui	1	0.2%
50	كَانَ مَعْلُومًا	Sepertimana yang diketahui	1	0.2%
51	وَعِيرَهَا	Dan sebagainya	1	0.2%
52	فَضْلًا عَلَى ذَلِكَ	Tambahan lagi	1	0.2%
53	فَبِهَذَا	Dengan ini	1	0.2%
54	مَا عَدَا ذَلِكَ	Melainkan	1	0.2%
55	وَمِنْ نَاحِيَةِ أُخْرَى	Dari aspek yang lain	1	0.2%
56	وَهَلَمْ جَرًّا	Sebagainya	1	0.2%
57	وَمِنْ عَوَامِلٍ أُخْرَى أَنْ	Di antara faktor-faktor yang lain	1	0.2%
58	خُصُوصًا	Khususnya	1	0.2%
69	وَهَذَا السَّبَبُ	Inilah sebabnya	1	0.2%
60	وَالْجَدِيرُ بِالذِّكْرِ أَنْ	Perlu diingatkan bahawa	1	0.2%
61	وَبِالْمُنَاسَبَةِ بِهَذَا	Bersesuaian dengan ini	1	0.2%
62	وَلِهَذَا	Dengan ini	1	0.2%
63	مَثَلًا	Sebagai contoh	1	0.2%
64	خَاصَّةً	Terutamanya	1	0.2%
65	الْحَقِيقَةَ	Realitinya	1	0.2%
66	وَبِزِيَادَةٍ	Tambahan lagi	1	0.2%
67	وَأَخِيرُ الْكَلَامِ	Akhir kata	1	0.2%
Jumlah			494	100%

Berdasarkan jadual tersebut, sebanyak 67 jenis penanda wacana ditemui dalam karangan pelajar yang dijalankan. Penanda wacana *وَعِيرَ ذَلِكَ* (*Selain itu*) digunakan sebanyak 42 kali (8.6%), *وَبَعْدَ ذَلِكَ* (*Selepas itu*) sebanyak 37 kali (7.6%), *وَأَخِيرًا* (*Akhirnya*) sebanyak 32 kali (6.5%), *مِنْ جَانِبِ* (*Dari sudut*) sebanyak 30 kali (6.1%), *أَنَّ*

(Bahawasanya) sebanyak 27 kali (5.5%), وَخُلَاصَةُ الْقَوْلِ (*Kesimpulan kata*) 26 kali (5.3%), وَلِذَلِكَ (*Oleh sebab itu*) sebanyak 22 kali (4.5%), إِنَّ (*Sesungguhnya*) sebanyak 21 kali (4.3%), فَذَنْ (*Sesungguhnya*) sebanyak 19 kali (3.9%), الْآنَ (*Sekarang/kini*) sebanyak 16 kali (3.3%), خُلَاصَةً (*Rumusan*) sebanyak 15 kali (3.1%), لَا بُدَّ (*Mesti*) sebanyak 14 kali (2.9%), أَمَّا (*Adapun*) sebanyak 14 kali (2.9%), وَبِذَلِكَ (*Dengan itu*) sebanyak 14 kali (2.9%), يَجِبُ عَلَى (*Sewajarnya*) 12 kali (2.4%), لِأَنَّ (*Kerana*) 12 kali (2.4%), وَبِالإِضَافَةِ إِلَى (*Sesungguhnya*) sebanyak 12 kali (2.4%), بِتَبَعِيٍّ (*Semestinya*) sebanyak 11 kali (2.2%), لَا شَكَّ أَنَّ (*Tidak ragu-ragu bahawa*) sebanyak 9 kali (1.8%), وَمَعَ ذَلِكَ (*Walau bagaimanapun*) sebanyak 8 kali (1.6%), فَبِذَلِكَ (*Oleh itu*) sebanyak 6 kali (1.2%), وَعَلَى (*Misalnya*) sebanyak 5 kali (1.0%), وَبِالنَّسْبَةِ إِلَى (*Berkaitan dengan*) sebanyak 5 kali (1.0%), لِأَسَمَاءٍ (*Terutama*) sebanyak 5 kali (1.0%), وَكَذَلِكَ (*Begitu juga*) sebanyak 4 kali (0.8%), وَبِجَانِبِ ذَلِكَ (*Bertitik tolak dari ini*) sebanyak 4 kali (0.8%), (Disamping itu) sebanyak 4 kali (0.8%), مِنْ أَجْلِ (*Demi*) sebanyak 4 kali (0.8%), (Pertamanya) sebanyak 4 kali (0.8%), فَإِنَّ (*Maka sesungguhnya*) sebanyak 4 (0.8%), وَبِالإِضَافَةِ إِلَى (*Disamping ini*) sebanyak 4 kali (0.8%), وَبِالتَّالِي (*Seterusnya*) sebanyak 3 kali (0.6%), وَقِصَارَى الْقَوْلِ (*Kesimpulan kata*) sebanyak 3 kali (0.6%), فَذَنْ كَانَ (*Telah pun*) sebanyak 3 kali (0.6%), مِنْ جَانِبِ ذَلِكَ (*Dari sudut yang lain*) sebanyak 3 kali (0.6%), إِلَى جَانِبِ آخَرَ (*Pada sudut lain*) sebanyak 2 kali (0.4%), مِنْ نَوَاحِي (*Dari aspek-aspek*) sebanyak 2 kali (0.4%), وَبِالإِضَافَةِ إِلَى (*Bahawasanya*) sebanyak 2 kali (0.4%), وَرُؤْمَةَ الْقَوْلِ (*Kesimpulan kata*) 2 kali (0.4%), لِئَلَّا (*Supaya/agar*) sebanyak 2 kali (0.4%), (Erti kata yang lain) 2 kali (0.4%), وَبَعْدُ (*Seterusnya*) sebanyak 2 kali (0.4%), بِأَنَّ (*Bahawasanya*) sebanyak 2 kali (0.4%), عَلَى هَذَا النِّحْوِ (*Berhubungan dengan ini*) sebanyak 1 kali (0.2%), إِذَا كَانَ الْأَمْرُ كَذَلِكَ (*Jika demikian*) sebanyak 1 kali (0.2%), إِضْرَابِيٍّ (*Sebaliknya*) sebanyak 1 kali (0.2%), فِي السَّنَةِ الْمَاضِيَةِ (*Pada tahun yang lalu*) sebanyak 1

kali (0.2%), وَبِالنَّسْبَةِ إِلَى (Berkaitan dengan) sebanyak 1 kali (0.2%), كَمَا عَرَفْنَا (Sepertimana yang kita ketahui) sebanyak 1 kali (0.2%), كَانَ مَعْلُومًا (Sepertimana yang diketahui) sebanyak 1 kali (0.2%), وَغَيْرَهَا (Dan sebagainya) sebanyak 1 kali (0.2%), فَضْلاً عَلَى ذَلِكَ (Tambahkan lagi) sebanyak 1 kali (0.2%), فَبِهَذَا (Dengan ini) 1 (0.2%), مَا عَدَا (Jika tidak) 1 kali (0.2%), وَمِنْ نَاحِيَةِ أُخْرَى (Dari aspek yang lain) sebanyak 1 kali (0.2%), وَمِنْ عَوَامِلٍ أُخْرَى أَنْ (Di antara faktor-faktor yang lain) sebanyak 1 kali (0.2%), خُصُوصًا (Khususnya) sebanyak 1 kali (0.2%), وَهَذَا السَّبَبُ (Inilah sebabnya) sebanyak 1 kali (0.2%), وَالْجَدِيرُ بِالذِّكْرِ أَنْ (Perlu diingatkan bahawa) sebanyak 1 kali (0.2%), وَبِالْمُنَاسَبَةِ بِهَذَا (Bersesuaian dengan ini) sebanyak 1 kali (0.2%), وَلِهَذَا (Dengan ini) sebanyak 1 kali (0.2%), مِثْلًا (Sebagai contoh) sebanyak 1 kali (0.2%), خَاصَّةً (Terutamanya) sebanyak 1 kali (0.2%), الْحَقِيقَةُ (Realitinya) sebanyak 1 kali (0.2%), وَبِزِيَادَةٍ (Tambahkan lagi) sebanyak 1 kali (0.2%) dan وَأَخِيرُ الْكَلَامِ (Akhir kata) sebanyak 1 kali (0.2%).

Dengan penjelasan itu, dapatlah dikatakan bahawa penanda wacana وَغَيْرُ ذَلِكَ (Selain itu), وَبَعْدَ ذَلِكَ (Selepas itu), وَأَخِيرًا (Akhirnya) dan مِنْ جَانِبٍ (Dari sudut) merupakan penanda wacana yang paling kerap digunakan dengan kekerapan 42 kali (8.6%), 37 kali (7.6%), 32 kali (6.5%) dan 30 kali (6.1%) berbanding dengan penanda-penanda wacana yang lain, yang mencatatkan kekerapannya terpalang rendah dengan hanya 1 kali (0.2%).

Jadual di bawah menunjukkan kekerapan penggunaan penanda wacana bagi menunjukkan maksud tambahan. Pelajar didapati menggunakan 34 jenis penanda wacana bagi kategori ini mencatatkan kekerapannya sebanyak 195 kali, sepertimana jadual berikut :

Jadual 4.8 Kekerapan penggunaan penanda wacana bagi menunjukkan maksud

Tambahan

Bil	Penanda wacana	Makna BM	Kekerapan	Peratusan
1	مِنْ جَانِبٍ	Dari sudut	30	16.2%
2	أَنَّ	Bahawasanya	27	14.6%
3	إِنَّ	Sesungguhnya	21	11.4%
4	قَدْ	Sesungguhnya	19	10.3%

5

ERROR: syntaxerror
OFFENDING COMMAND: --nostringval--

STACK:

1017
15532
13